

01 APR 1996

PM PAPUA NEW GUINEA TIBA UNTUK LAWATAN 6 HARI

SUBANG, 1 April (Bernama) -- Perdana Menteri Papua New Guinea (PNG), Sir Julius Chan tiba di sini pagi ini untuk lawatan rasmi enam hari.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini disambut oleh Menteri Luar, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Pesuruhjaya Tinggi Papua New Guinea ke Malaysia, Thomas Nahen Polume.

Sir Julius diiringi oleh isteri Lady Stella Chan dan delegasi 60 anggota terdiri daripada pegawai kerajaan dan wakil sektor swasta.

Pemimpin PNG itu kemudian berlepas ke Dataran Parlimen untuk upacara sambutan rasmi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali berada di Dataran Parlimen untuk menyambut Sir Julius dan Lady Stella.

Selepas memeriksa kawalan kehormatan, Sir Julius diperkenalkan kepada Menteri-menteri Kabinet dan pegawai kanan kerajaan serta diplomat asing.

Beliau dan Lady Stella dijadual menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negeri Sembilan petang ini sebelum dibawa melawat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong.

Esok Sir Julius dijadual mengunjungi Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri dan diikuti dengan mesyuarat peringkat delegasi.

Semasa di sini, Sir Julius juga akan dibawa melawat kilang kereta Proton di Shah Alam dan menghadiri taklimat di ibu pejabat Petronas.--
Bernama

AZZ OBA.